

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)10

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

10. Kejadian tanah runtuh di tapak pembinaan projek Bukit Kukus pada 19 Oktober 2018 yang telah meragut 9 orang pekerja maut.
- (a) Apakah status kes kejadian tersebut?
 - (b) Apakah inisiatif kerajaan bagi mengelakkan kemalangan seperti ini berlaku lagi?
 - (c) Bilakah projek ini akan selesai dan dibuka untuk kegunaan awam?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. (a) Status terkini bagi kes tanah runtuh di tapak pembinaan projek Bukit Kukus yang telah berlaku pada 19 Oktober 2018 ialah syarikat kontraktor telah didapati bersalah atas kecuiaan dan diambil tindakan mahkamah oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH). Denda dikenakan sebanyak RM 35,000.00 kepada syarikat kontraktor terbabit. Selain itu, pengarah projek syarikat

kontraktor tersebut juga telah dikenakan denda sebanyak RM 35,000.00.

(b) Bagi mengelakkan kemalangan ini daripada berulang, Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) Mewajibkan kontraktor utama melantik jurutera perunding bertauliah bagi mereka bentuk, menyelia dan menyediakan pelan pembinaan untuk kerja-kerja tanah sementara di tapak;
- (ii) Memastikan jurutera perunding dan jurutera perunding pemeriksa bebas perlu mengawasi, menyelia dan mengambil tindakan sewajarnya demi keselamatan orang awam, harta awam dan persekitaran;
- (iii) Memastikan semua laluan air semula jadi di tapak mesti dikaji, dikekalkan dan disalurkan tanpa menjejaskan aliran sedia ada;

- (iv) Membina longkang/parit sementara terlebih dahulu di kawasan-kawasan yang melibatkan kerja-kerja pemotongan serta penstabilan cerun;
 - (v) Memastikan semua kerja-kerja mitigasi terutama yang melibatkan kerja-kerja penstabilan cerun perlulah disegerakan;
 - (vi) Memantau peranan kontraktor utama, jurutera perunding utama dan jurutera perunding pemeriksa bebas perlu lebih pro-aktif di tapak demi keselamatan orang awam, harta awam dan persekitaran; dan
 - (vii) Menyediakan jadual penyenggaraan sistem perparitan dan kolam enapan sementara di tapak.
- (c) Projek pembinaan jalan ini dijangka akan disiapkan seterusnya dibuka untuk kegunaan awam pada bulan Mei 2021.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)11

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

11. Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).

- (a) Apakah usaha dan inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan RIBI tidak akan diroboh sewenang-wenangnya seperti di Negeri Kedah?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

11. (a) Kerajaan Negeri sentiasa mengutamakan keharmonian rakyat termasuk memastikan isu mengenai RIBI di Pulau Pinang diuruskan secara berkesan. Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan RIBI tidak diroboh sewenang-wenangnya di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan Negeri telah mewujudkan Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam dan Jawatankuasa Penyelarasan RIBI untuk memastikan isu-isu melibatkan RIBI diuruskan secara berkesan;

- (ii) Kerajaan Negeri telah menetapkan setiap pembangunan di Pulau Pinang termasuk RIBI perlu mendapat kebenaran dan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Hal ini bagi memastikan semua RIBI yang dibangunkan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan demi kesejahteraan rakyat; dan
- (iii) Kerajaan Negeri pada tahun 2019 telah memutuskan supaya semua tindakan penguatkuasaan terhadap RIBI diambil selepas mendapat keputusan Jawatankuasa Tanah Negeri berdasarkan ulasan daripada Jawatankuasa Penyelarasan RIBI. Jawatankuasa Penyelarasan RIBI akan meneliti isu berkaitan RIBI bersama agensi teknikal dan ADUN kawasan berdasarkan peruntukan perundangan yang sedang berkuatkuasa, dengan matlamat mencapai penyelesaian memandangkan ia melibatkan isu yang sensitif.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)12

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

12. Apakah perkembangan terkini Penang International Halal Hub (PIHH) Development Sdn. Bhd. setelah 12 tahun beroperasi?
- (a) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengadaptasikan Industri 4.0 dan era digital ekonomi tambahan lagi untuk menghadapi pandemik COVID-19?
 - (b) Sila terangkan kejayaan-kejayaan sepanjang PIHH Development diwujudkan.

**YB. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI HUSSAIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Penang International Halal Hub Development Sdn Bhd (PIHH) telah ditubuhkan pada April 2008. Perkembangan terkini PIHH setelah 12 tahun beroperasi adalah PIHH telah dijenama semula kepada Penang Halal International Sdn Bhd (PHI) yang dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang pada 11 September 2020 di Jen Hotel. PHI merupakan sebuah agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan bukan berorientasikan keuntungan, dan perkara itu masih kekal

sehingga kini. Antara fungsi utama penubuhan PHI adalah sebagai agensi yang mempromosi dan membantu para industri dalam hal-hal yang berkaitan halal seperti pensijilan halal, pemasaran produk halal serta meneroka pasaran-pasaran halal yang baru di dalam dan luar negara. Kerajaan Negeri telah mewujudkan PIHH Development Sdn. Bhd. atau kini dikenali sebagai PHI sebagai satu langkah mempromosikan industri halal dan menjadikan Pulau Pinang sebagai Hab Halal Antarabangsa di rantau Asean.

(a) Antara langkah-langkah yang diambil oleh PHI untuk mengadaptasikan Industri 4.0 dan era digital ekonomi terutamanya untuk menghadapi pandemik COVID-19 adalah seperti berikut:

(i) Menjalinkan kerjasama antara PHI dan foodpanda, sebuah syarikat penghantaran makanan secara digital/tempahan atas talian melalui program Ramadhan E-Bazaar dan *Penang Food4U*. Program ini bertujuan membantu para peniaga makanan mempromosikan perniagaan mereka melalui platform '*digital delivery*' foodpanda. Hasil rundingan dengan

pihak Food Panda, para peniaga yang mendaftarkan diri dalam program anjuran PHI ini akan menikmati diskaun caj pengangkutan.

- (ii) Memulakan inisiatif e-dagang (*E-commerce*) Penang E-Mall dan menjalin kerjasama dengan Shopee platform e-dagang terbesar di Malaysia dan Asia Tenggara. Platform ini menyediakan peluang kepada para usahawan Pulau Pinang untuk memasarkan produk jualan mereka secara atas talian. Sehingga September 2020, sebanyak 5466 peniaga Pulau Pinang telah menyertai program Penang E-Mall ini dan anggaran hasil jualan yang telah dijana melalui baucar diskaun yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam platform Penang E-Mall ini adalah sebanyak RM1.15 juta ringgit, dengan peruntukan yang dilepaskan setakat ini ialah RM145,000.00 daripada RM500,000.00 yang diperuntukkan.
- (iii) Menganjurkan beberapa siri latihan berkaitan halal dan keusahawanan, khusus kepada para usahawan Pulau Pinang. Antaranya ialah Kursus Asas Shopee,

Halal Intensive Training Course (HITC) atau Kursus Asas Pensijilan Halal Malaysia (KAPHM) serta beberapa siri kursus dan latihan pada masa akan datang.

Selain itu, perancangan masa hadapan PHI adalah untuk melaksanakan program *'digital community delivery'* dan *International Inspirasi Khadijah 2020 Virtual*, iaitu sebuah pameran perdagangan secara virtual yang mengetengahkan produk dan servis oleh para usahawan wanita.

PHI kini dalam perbincangan dengan beberapa pihak untuk melaksanakan projek baharu dan ianya akan diumumkan apabila telah mencapai persetujuan bersama. Malah, PHI juga telah menjalinkan hubungan dengan beberapa rakan strategik yang terdiri daripada agensi kerajaan dan syarikat swasta dalam usaha memartabatkan industri halal di Pulau Pinang.

(b) Antara kejayaan-kejayaan sepanjang PHI diwujudkan sejak April 2008 adalah seperti berikut:

(i) Mewujudkan "*designated area*" yang dibangunkan sebagai Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang

(TPHPP) untuk memenuhi permintaan pelabur yang ingin menempatkan operasi pengilangan di Pulau Pinang khususnya dalam sektor Halal seperti berikut:

- (a) 53 ekar di *Penang Science Park (PSP)*; dan
- (b) 98 ekar di *Utara Penang Science Park/Penang Science Park North (PSPN)*.

Kedua-dua TPPH di PSP dan PSPN ini telah memperoleh pengiktirafan Sijil Halmas daripada Halal Development Corporation (HDC) bagi melayakkan para pelabur untuk menikmati insentif serta galakan cukai.

PHI juga merupakan pihak yang mempromosikan Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP) dengan tanah yang diperuntukan oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Dari tahun 2008 sehingga kini terdapat 8 buah syarikat di dalam fasa 1 TPHPP manakala 22 buah syarikat ditempatkan di Zon Makanan fasa 2 TPHPP.

- (ii) Penganjuran *Penang International Halal Expo and Conference (PIHEC)*

Halal Penang telah berjaya dalam penganjuran secara tahunan PIHEC bermula pada tahun 2010 melibatkan penyertaan pemamer yang terdiri daripada usahawan dan syarikat tempatan dan luar negara dalam sektor makanan dan minuman, farmaseutikal dan kosmetik, lojistik dan teknologi. PIHEC telah merekodkan penyertaan 84 pemamer pada tahun pertama dan terkini PIHEC 2019 berjaya mengumpulkan 291 para usahawan, syarikat dan organisasi dari dalam dan luar negara. Statistik menunjukkan penglibatan para usahawan tempatan yang lebih ramai melalui platform PIHEC yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri jelas membawa manfaat besar bagi aktiviti promosi produk dan perkhidmatan tempatan; dan

- (iii) Menyumbang terhadap peningkatan jumlah permohonan pensijilan Halal di Negeri Pulau Pinang daripada 55 kepada 1,112 permohonan setakat Disember 2018 melalui prinsip Kerajaan Negeri iaitu *Aggressive, Conducive and Persuasive (ACP)* Kerajaan Negeri yang diterapkan sejak penubuhan Halal Penang pada November 2008. Permohonan Halal terdiri daripada pelbagai kategori industri iaitu pembuatan makanan, restoran dan *outlet* makanan,

pembuatan kosmetik, farmaseutikal, khidmat lojistik,
perhotelan serta rumah penyembelihan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)13

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB. LIM GUAN ENG**

13. Sila nyatakan status projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sebanyak RM800 juta dan pengendalian perkhidmatan feri Pulau Pinang yang dikhabarkan akan diberhentikan pada tahun depan selepas diadakan perbincangan dengan Menteri Pengangkutan.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Status projek menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dari 6.5 mppa (*million passengers per annum*) kepada 12 mppa kini telah mendapat kelulusan pelan Kebenaran Merancang serta kelulusan pelan bangunan daripada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Buat masa kini kerja pembinaan fizikal di tapak masih belum dijalankan.

Berdasarkan laporan bulanan projek menaik taraf LTAPP setakat 25 September 2020 yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri, pihak MAHB masih dalam proses

mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan untuk pematuhan terhadap kelulusan-kelulusan yang telah diperolehi daripada agensi berkaitan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil maklum mengenai cadangan pihak Kementerian Pengangkutan (MOT) untuk menangguhkan semua projek menaik taraf lapangan terbang di Malaysia bagi melaksanakan kajian *National Airports Strategic Plan* (NASP) yang dijangka siap pada tahun 2023. Setakat ini, perincian mengenai laporan ini masih belum dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri.

Berhubung dengan pengendalian perkhidmatan feri, satu sesi perbincangan di antara Kerajaan Negeri dan pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah diadakan pada 27 Ogos 2020 bagi membincangkan isu-isu berkaitan pengangkutan di Pulau Pinang termasuk perkhidmatan feri.

Melalui perbincangan tersebut, Kerajaan Negeri telah dimaklumkan bahawa pihak Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) akan memulakan proses pengambilalihan semula pengurusan perkhidmatan feri daripada pihak Rapid Ferry Sdn. Bhd. (Rapid Ferry)

Selain itu, Kerajaan Negeri telah memohon pihak MOT untuk mengemukakan pelan perancangan keseluruhan kerja-kerja naik taraf serta pengoperasian feri-feri baharu kepada Kerajaan Negeri terlebih dahulu memandangkan perkhidmatan feri merupakan salah satu mod pengangkutan awam yang penting kepada seluruh rakyat negeri ini.

Lanjutan daripada itu, pihak MOT melalui pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) akan mengadakan sesi libat urus dengan Kerajaan Negeri setelah model perniagaan perkhidmatan feri yang akan disediakan oleh pihak PPSB mendapat persetujuan Kerajaan Persekutuan

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)14

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

14. Sila terangkan visi pembangunan wanita dan keterangkuman gender selepas penyusunan semula portfolio barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**YB. CHONG ENG
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Kerajaan Negeri telah melaksanakan penyusunan semula portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri berkuatkuasa 15 September 2020 selaras dengan keperluan semasa untuk memulihkan serta meningkatkan ekonomi pasca COVID-19 dan visi Negeri Pulau Pinang di bawah Penang2030. Portfolio pembangunan wanita dan keterangkuman gender disusun semula kepada portfolio baharu iaitu pembangunan sosial. Portfolio ini berperanan untuk merancang dan melaksanakan dasar serta program-program bagi pembangunan masyarakat di negeri Pulau Pinang.

Di bawah portfolio pembangunan sosial, Kerajaan Negeri akan terus memberikan fokus kepada visi pembangunan wanita dan keterangkuman gender yang disasarkan sebelum ini iaitu untuk mengurangkan jurang gender serta menyediakan wanita untuk memberikan sumbangan kepada pembangunan negeri Pulau Pinang. Fokus Kerajaan Negeri kepada visi ini adalah selaras dengan Penang2030 di mana keutamaan diberikan kepada institusi keluarga yang menjadi asas kepada pembangunan negeri dan wanita sebagai tunjang kepada sesebuah keluarga. Program yang telah dilaksanakan seperti program Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK), Program Wanita Jana Rezeki, Program Mentor Usahawan Wanita, Dasar Keluarga Selamat, Program Pembangunan Kepimpinan Wanita serta Pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender akan diteruskan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)15

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG PASIR
YB. MUHAMMAD FAIZ BIN FADZIL**

15. Mohon Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyatakan status terkini Industri Akuakultur di Penaga..

**YB. DR. HAJAH NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Status terkini bagi projek Zon Industri Akuakultur (ZIA) Penaga adalah masih di peringkat penyediaan laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) Jadual-2 yang merangkumi laporan *Fisheries Impact Assessment* (FIA). *Terms of Reference* (TOR) bagi Laporan EIA Jadual-2 ini dijangka siap pada suku pertama tahun 2021 setelah tergendala susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kerajaan Negeri mengambil maklum akan kepentingan tanah paya bakau dan keperluan untuk mengekalkan kawasan tersebut. Kerajaan Negeri juga mengambil berat akan usaha untuk pengekalan kawasan paya bakau yang sedang dirancang. Berikut adalah pandangan teknikal daripada:

I. ULASAN TEKNIKAL JABATAN JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN 5 Jun 2020 NO.RUJUKAN : PSUKPP/(R)/32/0603/1 Klt.9 () Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

- (a) Pinggiran Pantai Telok Air Tawar di Seberang Perai Utara diliputi dengan pokok-pokok bakau lebih kurang tujuh (7) km. Bagi mana-mana pembangunan berhadapan pantai pemaju perlu merujuk kepada garis panduan had anjakan sedia ada berdasarkan JPS 1/97 dengan had anjakan bagi kawasan hutan paya bakau adalah 400 meter yang dikira bermula dari garisan tebing terakhir pokok bakau ke kawasan darat.
- (b) Manakala merujuk kepada garisan panduan terkini yang telah dikemaskini melalui National Coastal Erosion Study (NCES) 2015 yang telah dibentangkan pada 27 Mac 2018 bahawa had anjakan bagi kawasan hutan paya bakau adalah berdasarkan kepada kategori hakisan bagi pantai berkenaan yang dikira bermula dari garisan air pasang tinggi ke kawasan darat. Had anjakan berdasarkan kepada kategori hakisan adalah seperti:
- i. 60m bagi kawasan hakisan yang mengalami hakisan kategori 1;

- ii. 30m bagi kawasan hakisan yang mengalami hakisan kategori 2;
 - iii. 20m bagi kawasan hakisan yang mengalami hakisan kategori 3;
 - iv. 20m bagi kawasan pantai yang stabil; dan
 - v. 20m bagi kawasan pantai yang telah dilindungi dengan struktur kawalan hakisan
- (c) Pokok bakau merupakan pelindung hakisan pantai semulajadi yang dapat menyerap kesan ombak tsunami pada tahun 2004 dengan baik berbanding dengan struktur penahan ombak buatan. Sekiranya hutan pokok bakau tersebut ditebang untuk pembangunan, maka struktur penahan ombak buatan (rock revertment) perlu dibina dengan anggaran kos RM84 juta (RM12juta x 7km) dan struktur tersebut perlu diselenggara sepanjang masa dengan kos yang tinggi.

II. Tujuh (7) surat dari Persatuan Nelayan di Kawasan Projek ZIA

- (a) Persatuan Nelayan Kawasan Seberang Perai - 9 Jun 2020

Surat kepada YAB Ketua Menteri dan disalinkan kepada YB EXCO telah dihantar pada 9 Jun 2020 menyatakan keputusan beberapa siri Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Nelayan Seberang Perai yang telah mengusulkan bantahan terhadap pelaksanaan Projek ZIA Penaga daripada 16 unit nelayan dan telah mendapat sokongan sebulat suara kerana:

- i. Banjir dan Tsunami;
- ii. Pencemaran air paya bakau dan laut tempat nelayan menangkap ikan;
- iii. Ribut - sejak 2017 hingga 2020 sebanyak 130 buah rumah telah terjejas akibat ribut kerana kekurangan zon penampan;

Usul 2.2 (26 April 2016) - Memohon kepada Jabatan Perhutanan dan Jabatan Alam Sekitar agar kawasan hutan persisir pantai (paya bakau) dapat diwartakan sebagai hutan simpan kekal serta diperketatkan penguatkuasaan-pemantauan bagi memastikan kawasan yang menjadi tempat pembiakan utama hasil laut ini terpelihara demi masa depan sektor perikanan Negeri;

Usul 2.4 (26 April 2016) - Mengusulkan kepada Jabatan Perikanan agar membantah pelaksanaan Projek ZIA

(b) Surat bantahan dari enam (6) Ketua Unit Nelayan bertarikh 9 Jun 2020 :

- i. Rosidi bin Ramli - Ketua Unit Nelayan Pengkalan Sena, 98 Ahli Nelayan dan 35 Bot Nelayan;
- ii. Muhammad Nor bin Saidin - Ketua Unit Nelayan Sg. Tembus, 126 Ahli Nelayan dan 100 Bot Nelayan;
- iii. Sahimi bin Husin - Ketua Unit Nelayan Bakau Tua, 98 Ahli Nelayan dan 60 Bot Nelayan;
- iv. Abdul Latip bin Teha – Ketua Unit Nelayan Penaga, 220 Ahli Nelayan dan 80 Bot Nelayan;
- v. Ariffin bin Mat - Ketua Unit Nelayan Kuala Muda, 268 Ahli Nelayan dan 250 Bot Nelayan; dan
- vi. Muhammad Nizam bin Abdul Salim - Ketua Unit Nelayan Butterworth.

III. Ulasan Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang - Hutan Bakau di sepanjang perairan Teluk Air Tawar – Kuala Muda,

**Pulau Pinang - di terima pada 11 Oktober 2020 berdasarkan
Ulisan bertarikh Disember 2019**

- i. Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang sentiasa menyokong terhadap usaha untuk mewartakan Hutan Paya Laut yang terdapat di Penaga sebagai Hutan Simpanan Kekal;
- ii. Usaha-usaha bagi mewartakan semua kawasan hutan bakau dan hutan nipah dalam tanah kerajaan dan tanah milik agensi sebagai Hutan Simpan Kekal sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil.602/2007 masih diteruskan dan sedang dalam penyediaan untuk pembentangan di dalam MTNeg sebelum dibentangkan di MMKN kelak. Antara salah satu perkara untuk diberi perhatian adalah perlindungan Kawasan Hutan Paya Laut Penaga yang menjadi lokasi terpenting di Pulau Pinang sebagai tempat persinggahan burung hijrah;
- iii. Sebarang perluasan atau pembukaan kawasan paya laut untuk penubuhan kolam akuakultur yang baharu bakal menjejaskan habitat terpenting ini;
- iv. Dengan adanya pewartaan sebagai Hutan Simpanan Kekal kelak, Hutan Paya Laut di sekitar Penaga atau Teluk Ayer Tawar akan menjadi lokasi penting untuk mempromosikan

aktiviti-aktiviti konservasi biodiversiti yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Usaha ini dilihat bukan sahaja dapat menggalakkan pengunjung biasa namun penyelidik-penyelidik dalam dan luar negara untuk berkunjung ke sini. Ini akan dapat mewujudkan kepelbagaian aktiviti ekopelancongan secara langsung dan tidak langsung di kawasan tersebut.

- v. Mesyuarat MMK Pertanian pada 14 Mei 2020 dan Mesyuarat PAC pada 9 Oktober 2019 menjemput Pakar Ekologi Hutan Bakau, Dr. Foong Swee Yeok, Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat USM, terdapat kepentingan ekosistem paya bakau Teluk Ayer Tawar-Kuala Muda untuk *food security* dan *food safety* Negeri Pulau Pinang seperti surat bertarikh 16 Jun 2020.

Antara ulasan yang dinyatakan adalah seperti berikut;

- Banyak kajian telah menunjukkan hubungan rapat di antara hasil tangkapan perikanan yang bernilai komersial tinggi dengan hutan paya bakau [di antaranya: bawal (*Pampus chinensis*), udang (udang putih *Penaeus merguensis*), kerang (*Anadara granosa*) dan ketam (*Scylla serrata*).

- Peranan pokok bakau sebagai pembekal makanan dan tapak perlindungan untuk spesies hidupan laut memang telah dibuktikan sejak tahun 1970an. Di antaranya, terdapat hasil kajian saintifik yang menggunakan teknologi “Carbon Isotope” menunjukkan anak udang memperolehi setinggi 84% kandungan isi Carbon-nya daripada punca pokok bakau (kajian dijalankan di Universiti Malaya, Chong et al. (2001).
- Ketergantungan udang pada carbon pokok bakau masih dapat dikesan hingga 2km dari pinggir hutan bakau. Boleh disimpulkan bahawa pemusnahan hutan paya bakau akan secara terusnya menjejaskan sumber makanan laut di negara kita. Kewujudan hutan paya bakau yang sihat menjamin pendapatan hasil sumber makanan perikanan yang bersih dan selamat (Food Safety & Food Security) untuk semua.
- Satu anggaran telah dibuat untuk menilai pergantungan hasil tangkapan perikanan di kawasan Teluk Ayer Tawar-Kuala Muda terhadap hutan paya bakau. Anggaran ini telah dibuat menggunakan cara TESSA (Toolkit for Ecosystem Service Site-based Assessment) yang dibangunkan oleh

Cambridge University bersama 5 institut antarabangsa yang lain (<https://www.birdlife.org/worldwide/science/assessing-ecosystem-services-tessa>).

- Terdapat lima (5) kampung nelayan di kawasan ZIA: Kuala Muda, Bakau Tua, Pulau Mertajam, Penaga and Teluk Ayer Tawar. Jumlah bilangan nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Pulau Pinang adalah seramai 945 (Sumber: DOF, 2014; data Unit Nelayan dan pemerhatian di tapak kajian). Pendapatan purata nelayan (LKIM, 2009) adalah sebanyak RM 1,758 sebulan (nilai pada tahun 2018 berdasarkan IMF 2019 Deflator Index). Selepas penyesuaian nilai perkhidmatan ekosistem paya bakau sebagai habitat hidup (50%) dan tempat pembiakan (25%) (Sasekumar et al. (1992, 1998) dan Jothy (1984), nilai perkhidmatan ekosistem hutan paya bakau dari segi perikanan adalah setinggi RM14,951,790 setahun untuk kawasan Teluk Ayer Tawar-Kuala Muda.
- Jumlah hasil pendapatan dari nelayan Teluk Ayer Tawar-Kuala Muda yang setinggi RM14.9 juta setahun ini menggambarkan betapa pentingnya ekosistem hutan paya bakau dalam menjamin keselamatan pemakanan (Food

Security) untuk negeri Pulau Pinang. Jumlah hasil tangkapan ini juga adalah dari punca yang mesra alam kerana tidak melibatkan penggunaan antibiotik serta bahan pemakanan ikan (fish feed) yang tidak lestari. Aspek ini adalah penting untuk kesihatan komsumer dari segi "Food Safety" juga.

- Sebarang bentuk aktiviti ekonomi yang lain tidak sepatutnya dijalankan di tapak hutan paya bakau kerana pengorbanan RM 14.9 juta sumber perikanan yang selamat ini akan memberi impak yang amat tinggi terhadap rakyat Pulau Pinang. Aktiviti akuakultur udang/ikan dalam kolam yang berisiko penyakit setinggi 35% (berdasarkan kajian terkini Boston Consulting Group di Negara Thai, 2019), sepatutnya diharam terus daripada menjejaskan keutuhan hutan paya bakau di Teluk Ayer Tawar-Kuala Muda.
- Selain daripada itu, jumlah anggaran perkhidmatan ekosistem (ecosystem service) dari Teluk Ayer Tawar-Kuala Muda ini adalah setinggi RM93 juta setahun. Perkhidmatan ekosistem yang terlibat adalah: perlindungan tepi pantai dari hakisan ombak/tsunami, pengekalan kualiti air, eko-pelancongan dan carbon ekonomi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)16

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB.ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

16. Berapakah jumlah mereka yang dilaporkan kehilangan pekerjaan sepanjang tempoh pandemik COVID-19?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. Berdasarkan laporan oleh pihak majikan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Pulau Pinang, jumlah pekerja yang diberhentikan secara pemberhentian tetap atau sukarela semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan oleh pandemik COVID-19 adalah seramai 5,443 orang dengan pecahan mengikut bulan seperti berikut:

Jadual 1: Bilangan Pemberhentian Pekerja Mengikut Bulan Yang Dilaporkan Kepada JTK Pulau Pinang Semasa Tempoh PKP

Bulan	Jumlah Pemberhentian (orang)
Mac	122
April	1,494
Mei	275
Jun	1,542
Julai	1,184
Ogos	290
September	536
Jumlah	5,443

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)17

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN TELOK AYER TAWAR
YB. MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD**

17. Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan dirancang bagi membantu usahawan-usahawan yang terkesan akibat COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

**YB. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI HUSSAIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Langkah-langkah yang telah diambil dan dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi membantu usahawan-usahawan yang terkesan akibat COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah seperti berikut:

- (a) Memberi pengecualian penyewaan kepada penyewa / usahawan makanan dan minuman di Kompleks Gerai Bukit Tengah di bawah seliaan Penang Development Corporation (PDC) untuk bulan April, Mei dan Jun 2020 di bawah program Bantuan Rakyat Pulau Pinang. PDC pada dasarnya meneruskan pemberian pengecualian penyewaan pada bulan Julai, Ogos dan September 2020

dan akan membuat penilaian keadaan perniagaan penyewa usahawan sama ada akan diteruskan pengecualian dari bulan ke bulan sehingga Disember 2020;

- (b) Menyalurkan bantuan one-off RM500.00 kepada penjaja dan peniaga kecil di Pulau Pinang seperti berikut:
 - (i) 14,012 peniaga dan penjaja berlesen;
 - (ii) 3,103 penjaja penggerai yang berniaga dalam kompleks makanan kedai persendirian (*shoplot*);
dan
 - (iii) 5,666 penjaja/penggerai yang mempunyai tagging dan berdaftar dengan PBT.

- (c) Meluluskan pengecualian bayaran sewa premis-premis perniagaan Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di bawah Bantuan Rakyat Pulau Pinang Fasa 1.0 dan 2.0 bagi tempoh empat (4) bulan termasuk pasar-pasar awam, lot-lot kedai dan sebagainya.

Melalui bantuan Fasa 2.0 tersebut, Kerajaan Negeri telah meluluskan pengecualian bayaran sewa bagi tempoh tambahan tiga (3) bulan iaitu bagi bulan Mei, Jun dan Julai 2020 yang melibatkan unit-unit kedai di bawah pengurusan Kerajaan Negeri termasuk PBT.

Keseluruhan bantuan berkaitan pengecualian bayaran sewa yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui dua (2) fasa tersebut melibatkan tempoh selama empat (4) bulan.

- (d) Menawarkan Skim Pinjaman Kelangsungan Perniagaan Pulau Pinang (Skim Peka PKS) pada April 2020. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM30 juta sebagai dana dalam Skim Peka PKS dan bantuan ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan usahawan IKS sektor pembuatan. Pemohon yang layak boleh mendapat pinjaman sehingga RM50,000 manakala usahawan PKS dalam sektor lain juga boleh mendapat bantuan pinjaman sehingga RM20,000. Skim Peka PKS ini bukan sahaja merupakan pinjaman tanpa faedah, malah, peminjam juga tidak perlu membuat sebarang pembayaran

balik bagi tempoh enam bulan pertama. Pembayaran balik bulanan cuma akan bermula pada bulan ketujuh sehingga bulan ke-30;

- (e) Memberi penangguhan pembayaran pinjaman Skim Pinjaman Harapan (SPH) selama 3 bulan bermula April hingga Jun 2020 kepada peminjam SPH bagi membantu meringankan beban usahawan akibat penutupan perniagaan mereka semasa PKP melibatkan peruntukan sebanyak RM654,152.75;

- (f) Menjalankan program kerjasama antara Penang Halal International Sdn. Bhd. (PHI) dan Food Panda, sebuah syarikat penghantaran makanan secara digital/atas talian melalui program Ramadhan E-Bazaar dan Penang Food4U. Program ini bertujuan membantu para peniaga makanan mempromosikan perniagaan mereka melalui platform digital Food Panda. Hasil rundingan dengan pihak Food Panda, para peniaga yang mendaftarkan diri dalam program anjuran PHI ini akan menikmati diskaun caj antara 3% hingga 5%;

- (g) Memulakan inisiatif e-dagang (*E-commerce*) Penang E-Mall @ Shopee melalui kerjasama dengan platform e-dagang terbesar di Malaysia dan Asia Tenggara iaitu Shopee. Platform ini menyediakan peluang kepada para usahawan Pulau Pinang untuk memasarkan produk jualan mereka secara dalam talian. Sehingga September 2020, sebanyak 5466 peniaga Pulau Pinang telah menyertai program Penang E-Mall ini dan anggaran hasil jualan yang telah dijana melalui baucar diskaun yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam platform Penang E-Mall ini adalah sebanyak RM1.15 juta ringgit;
- (h) Melaksanakan pelbagai kursus/seminar menerusi platform Webinar seperti Taklimat Moratorium dengan kerjasama Bank Negara dan jabatan/agensi kerajaan yang terlibat. Program Insentif Usahawan dan Plan Bayaran Balik Pinjaman Pasca Moratorium yang diadakan pada 12 dan 13 September 2020 di RAIA Hotel, Bayan Lepas telah menarik seramai 1,236 pengunjung. Sebanyak 17 bank dan 8 agensi berkaitan keusahawanan mengambil

bahagian. Sebanyak 907 permohonan bantuan bayaran balik bernilai RM280.6 juta telah diterima. Permohonan untuk melanjutkan moratorium sebanyak 489, bernilai RM 71.6 juta sementara permohonan untuk menstruktur semula pinjaman diterima sebanyak 418 bernilai RM209.1 juta ; dan

- (i) Bekerjasama dengan NCIA bagi pelaksanaan Program PENJANANCER Jom Niaga iaitu program fast track yang bertujuan untuk menyediakan peluang menjana pendapatan melalui keusahawanan bagi golongan sasaran dalam tempoh 3 bulan selepas menjalani latihan kemahiran, atau penempatan pekerjaan di dalam industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) atau IKS.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(A)18

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

18. Apakah solusi bagi gelandangan yang tiada maklumat pendaftaran di Jabatan Pendaftaran Negara serta yang mempunyai rekod jenayah dan adakah kerajaan akan menawarkan gelandangan kursus pemulihan akhlak dan pendidikan kemahiran hidup?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa menjalankan operasi bersepadu secara berkala dalam usaha untuk menangani masalah gelandangan ini. Dalam menjalankan fungsinya, JKM terikat kepada Akta Orang Papa 1977 dan tidak dapat menangani kes gelandangan yang tidak berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Sebaliknya, JKM akan merujuk kes tersebut kepada Jabatan Pendaftaran Negara ataupun Jabatan Imigresen Malaysia dan tindakan akan diambil menggunakan peruntukan undang-undang di bawah bidang kuasanya.

Kursus pemulihan akhlak dan pendidikan kemahiran hanya disediakan kepada gelandangan warganegara sahaja. Menggunakan peruntukan Akta Orang Papa 1977, gelandangan yang telah mendapat perintah mahkamah akan dimasukkan ke Institusi Bina Diri untuk mendapat penjagaan, perlindungan dan pemulihan. Kes gelandangan yang dirujuk ke institusi tersebut mestilah berumur antara 18 hingga 59 tahun, tidak menghidap sebarang penyakit berjangkit dan tidak mempunyai ahli keluarga atau waris yang sanggup menerima gelandangan tersebut.